

15/07/2002

Abdullah nafi kerajaan BN diktator

Kadir Dikoh

PENDANG, Ahad - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan Barisan Nasional (BN) bukan diktator seperti dakwaan pembangkang dan memerintah hasil sokongan majoriti rakyat.

Timbalan Perdana Menteri berkata, parti pembangkang seperti Pas tidak ada kerja lain selain memaki hamun dan cuba memperbodohkan rakyat yang kini sudah tahu menilai antara yang baik dan tidak.

"Kerajaan BN mendapat sokongan dua pertiga dalam Parlimen sekarang dan ini jelas menunjukkan ia diterima rakyat, bukan sebuah kerajaan diktator.

"Pembangkang ingat mereka boleh membohongi rakyat dengan pelbagai dakwaan meskipun kita akui tiada parti dalam dunia ini mendapat sokongan 100 peratus.

"Tetapi BN tetap menjadi pilihan," katanya pada majlis perjumpaan rakyat di Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan negeri (Adun) Sungai Tiang, Md Rozai Shafian yang dijadikan pusat gerakan BN bagi pilihan raya kecil Parlimen Pendang, di sini, hari ini.

Sebelum itu, Abdullah yang diiringi calon BN, Datuk Othman Abdul menemui penduduk Kampung Baluh, di Bukit Jenun dan di pekan Jenun sebelum ke Kampung Rambai.

Malam ini, beliau menemui penduduk Cina di pekan Anak Bukit untuk meneruskan kempen pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit.

Ketika berucap di Dewan Orang Ramai Pekan Jenun, Abdullah menasihatkan petugas BN menjaga kelakuan apabila berkempen bagi menjaga imej parti.

Katanya, Pas kini menggunakan pelbagai cara menghalang petugas BN memasuki kawasan mereka dan tindakan itu jelas menunjukkan parti pembangkang itu takut.

"Mereka kurang yakin dengan penyokong mereka. Ini tindakan panik. Pas dah "press panic button" (tekan butang panik), melarang pekerja BN masuk kawasan mereka.

"Tetapi kalau mereka masuk (kawasan BN) boleh, kita pula tak boleh. Ini tipu helah Pas.

"Mereka nak semua ikut cakap mereka. Benarkanlah rakyat menggunakan hak memilih wakil rakyat," katanya.

Beliau berkata, Ahli Parlimen Kuala Kedah, Mohamad Sabu pula seolah-olah bagaikan seorang hakim untuk mengadili seseorang, termasuk tindakannya mencaci Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sementara itu, ketika di Kampung Rambai, Abdullah berkata, Dr Mahathir tidak pernah menyatakan penolakan terhadap hukum hudud, tetapi hudud Pas tidak sesuai dilaksanakan dalam keadaan sekarang.

Katanya, pelaksanaan hukum hudud hendaklah adil, bukan menzalimi seseorang termasuk wanita.